

Mohammad Mentek ketuai 284 penerima anugerah kebesaran TYT Melaka

BH ONLINE | Isnin, 4 November 2019 | 12:45pm



Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Mohammad Mentek (tengah) menerima Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawa gelaran Datuk Seri daripada Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob (kanan) pada Istiadat Penganugerahan Darjah, Bintang dan Pingat Kebesaran Negeri sempena Sambutan Hari Jadi ke-81 di Seri Negeri, Ayer Keroh. - Foto ihsan Jabatan Ketua Menteri

AYER KEROH: Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Mohammad Mentek, mendahului seramai 284 penerima anugerah Darjah, Pingat dan Bintang Kebesaran Negeri Melaka bagi sesi ketiga sempena Hari Jadi ke-81, Yang di-Pertua Negeri, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob.

Mohammad menerima anugerah Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) yang membawa gelaran Datuk Seri pada istiadat yang berlangsung di Balai Istiadat, Dewan Seri Negeri, di sini, hari ini.

Anugerah Darjah Cemerlang Seri Melaka (DCSM) yang membawa gelaran Datuk Wira diterima oleh Pengarah Urusan Kumpulan RDA, Datuk Wira Chang Kok Chuang dan Ahli Lembaga Pengarah Besfomec Industry Sdn Bhd, Datuk Wira Low Chew Ping.

Sementara itu, Pengerusi Bukan Eksekutif Grand Esplanade Sdn Bhd, Datuk Mokhtar Haron, menerima Anugerah Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) yang membawa kepada gelaran Datuk.

Seramai 55 penerima yang turut menerima Darjah Pangkuan Seri Melaka (DPSM), antaranya Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Datuk Zohari Said;